

# PM: Wujud kempen tukar persepsi Islam sebenar

11M 23 AUG 2002

**N**ILAI 22 Ogos – Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mendedahkan kewujudan gerakan kempen untuk mengalirkan orang Islam dengan percubaan mahu menukar persepsi ajaran Islam sebenar berkaitan ketuhanan.

Perdana Menteri berkata, jika sebelum ini Tuhan dianggap memiliki sifat penyayang, pengasih dan pemurah, kini sifatnya telah ditokok tambah oleh kelompok tertentu menjadi 'samseng dan penipu'.

Tegas beliau, gejala tersebut sebenarnya berpunca daripada kepentingan politik sehingga ke satu tahap, pihak terbabit sanggup menyalahafsirkan agama untuk mencapai kepentingan tertentu.

Dalam hubungan ini, kata beliau, cara yang digunakan oleh Pas untuk memperoleh pengaruh menyamai teknik pergerakan al-Arqam iaitu de-

ngan memujuk rasa taksub di kalangan pengikutnya dengan apa cara sekalipun.

Katanya, sungguhpun ajaran Pas berbeza daripada al-Arqam, tetapi dari segi teknik ia adalah sama – supaya pengikutnya taksub kepada parti sekali pun apa yang dibuat bertentangan dengan agama.

"Ini sudah menghina Tuhan tetapi ajaran ini sudah berkembang yang bermakna ramai orang Islam sudah keliru ajaran Islam sebenar.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan upacara pecah tanah kampus tetap Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM), di sini, hari ini.

Ia adalah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) ke-12 dan ia didirikan di kawasan seluas 188.7 hektar.

Turut hadir ialah Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa

Mohamad, Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad, Pengerusi Lembaga Pengarah KUIM, Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor dan Rektor KUIM, Profesor Datuk Dr. Abdul Shukur Husin.

Menurut Dr. Mahathir lagi, umat Islam di negara ini perlu berusaha untuk memulihkan kembali kepercayaan yang bercanggah kepada ajaran Islam sebenar.

"Sekarang ini, ia (tafsiran mengelirukan) sudah rosak dan kita kena berusaha untuk pulihkan balik kepercayaan orang Islam kepada ajaran Islam yang sebenar," katanya.

Ditanya sama ada perbuatan Pas sudah mencapai tahap serius, Perdana Menteri berkata, walaupun belum kerajaan tetap tidak boleh membiarkannya begitu sahaja.

Tegasnya: "Apabila ia sampai ke satu peringkat nanti, agak

sukar untuk membawa mereka yang sudah taksub kembali ke pangkal jalan."

Sehubungan itu, Dr. Mahathir mengajak masyarakat Islam menolak sebarang tindakan yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Beliau juga berharap semua kursus yang dijalankan di KUIM tidak dipolitikkan atau diterap ajaran yang boleh merosakkan akidah pelajar.

Terdahulu, dalam ucapannya, Dr. Mahathir berkata, umat Islam berada dalam keadaan amat genting ketika ini kerana ramai sudah terkeliru dan sanggup melakukan perbuatan bertentangan ajaran Islam.

"Salah tafsiran agama ini bertujuan memperkuat pengaruh dan kepimpinan mereka.

"Banyak kumpulan seperti ini dalam negara dengan melakukan perbuatan yang ditegah Islam," katanya.

Menurut Perdana Menteri, ada yang sanggup menokok tambah nama-nama Allah dengan pengertian yang bertentangan dengan kesucian dan kemuliaan Islam.

Malah, ada pula orang Islam menyifatkan pemimpin-pemimpin Pas itu sebagai 'Rabani' – mereka tidak boleh disalahkan walaupun perbuatan menyalahi ajaran Islam.

"Kita harus ingat, Saidina Abu Bakar As-Siddiq sendiri pernah berkata, jika dia buat kesilapan, tegurlah dia kerana sedar sebagai manusia biasa.

"Sikap sahabat Nabi ini yang sudah dijanjikan syurga ini tidak menunjukkan sikap angkuh malah mahu ditegur jika membuat kesalahan.

"Sebenarnya para pemimpin Pas bukanlah golongan 'Rabani'," katanya.